


Info
Empu

→ **Empu** adalah individu yang menghasilkan keseluruhan komponen keris. Antara empu yang terkenal termasuk Tok Chu, malah kerisnya diangkat sebagai salah satu alat kebesaran diraja.

→ **Kebiasaannya** sebilah keris yang bagus dibuat menggunakan campuran tujuh jenis besi termasuk besi pamo dan besi baja. Taming Sari pula dibuat menggunakan campuran 20 jenis besi.

→ **Ada** kalangan empu zaman dahulu kala yang turut mencampurkan tahi bintang ketika menghasilkan keris bagi memastikan senjata itu lebih kuat dan tahan lama.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]



Bagian pada keris ditandakan dengan jelas.



Keris Hulu Jawa Demam yang dibuat dengan gigi ikan paus.

Empu ibarat saintis zaman dahulu kala

→ Mahir tentukan suhu api lebur besi buat keris belum dikuasai generasi kini

sains, kata Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Abdul Mua'ti Ahmad.

Abdul Mua'ti berkata, ketiadaan kajian yang mendalam mengenai kepandaian empu menyebabkan penguasaan ilmu sains mereka tidak banyak diperkatakan, sedangkan ia menjadi unsur penting dalam pembuatan keris sejak sekian lama.

"Kebijaksanaan empu luas dan bagi saya mereka ini seperti saintis zaman dahulu. Bayangkan bagaimana empu mengetahui tahap lebur dan suhu berbeza bagi pelbagai jenis besi sedangkan dahulu mana ada jangka suhu.

Kesan suhu tengok warna api

"Ia dilakukan hanya dengan melihat warna api dan selepas mendapat suhu yang berseesuaian, barulah besi itu akan diketuk dan berpadu.

"Proses ini mengambil masa yang lama dan disebabkan itu juga ada keris yang mengambil masa bertahun-tahun untuk disiapkan," katanya kepada *Sastera&Budaya*.

Abdul Mua'ti berkata, penguasaan ilmu sains oleh ka-

langan empu seakan-akan tenggelam dengan kepercayaan yang pembuatan keris lebih banyak dikaitkan dengan perkara khurafat dan mistik.

Meskipun tidak menolak kaitan perkara khurafat itu, terutama sebelum era kedatangan Islam, Abdul Mua'ti berkata, tempoh kemudiannya menyaksikan kebanyakan empu memiliki ilmu rohani, malah kebiasaannya mereka akan berpuasa dan berzikir sepanjang proses pembuatan keris.

"Pembuatan mengasap keris yang banyak dikaitkan sebagai perbuatan khurafat itu sebenarnya memiliki penjelasan saintifik dan dilakukan bagi memastikan air kelapa dan perahan limau pada permukaan keris yang menggerutu dapat dikeringkan sepenuhnya.

"Air kelapa digunakan kerana ia adalah asid lemah yang dapat menghilangkan karat, manakala perahan limau daripada asid kuat pula berupaya menghilangkan bau hanyir darah selepas keris digunakan dalam pertempuran.

"Ada juga sesetengah empu yang turut menghasilkan keris daripada kayu kemuning ke-

rana sifatnya yang boleh menyembuhkan luka dan menahan daripada bisa, bukan perkara khurafat," katanya.

Dihormati masyarakat

Abdul Mua'ti berkata, ketinggian ilmu dimiliki seseorang empu dalam perihal penghasilan keris menyebabkan mereka dipandang tinggi dalam masyarakat dahulu kala, apatah lagi kebanyakannya menghasilkan keris bagi kegunaan kalangan kerabat dan pembesar.

Bagaimanapun, katanya kini tidak ramai empu yang mempunyai kemahiran menyiapkan keris dari awal sehingga akhir, malah ketiadaan generasi muda yang mahu mempelajari ilmu berharga itu juga adalah sesuatu yang merisaukan.

"Adalah sangat penting untuk dilakukan pengkajian mengenai keistimewaan empu ini, apatah lagi jumlah mereka kini sangat sedikit.

"Saya khuatir sekiranya tiada usaha dilakukan, keistimewaan empu yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat dahulu disebabkan kepandaian ilmu mereka ini tidak akan diketahui generasi akan datang," katanya.



Abdul Mua'ti Ahmad



Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Serdang

Senjata tradisional masyarakat Melayu, iaitu keris, bukan sahaja menjadi lambang jati diri sejak sekian lama, malah 'membawa' kebijaksanaan sang pembuatnya, yang dipanggil empu.

Tidak setakat mahir ilmu mengenai kayu dan besi, empu yang bertanggungjawab membuat keris dari awal hingga akhir perlu menguasai ilmu